

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	21 FEBRUARY 2017

KES 1MDB

Gagal buktikan Najib guna kuasa ganggu siasatan 1MDB

BH - 21/2/2017

➔ Dr Mahathir, Khairuddin, Anina perlu berikan butiran lanjut dakwaan

Oleh Ahmad Johari
Mohd Ali
ajohari@bh.com.my

✦ Kuala Lumpur

Mahkamah Tinggi di sini, semalam diberitahu, Tun Dr Mahathir Mohamad dan dua yang lain gagal menunjukkan bagaimana Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak menggunakan kuasanya berhubung siasatan kes 1Malaysia Development Berhad (1MDB), sehingga menjejaskan serta menyebabkan kerugian kepada mereka.

Peguam, Datuk Mohd Hafarizam Harun mewakili Najib, berkata Mahathir, bekas Ketua UMNO Batu Kawan, Datuk Seri Khairuddin Abu Hassan dan bekas ahli Wanita UMNO Langkawi, Anina Saadudin perlu memberikan butiran lanjut mengenai dakwaan itu dalam pernyataan tuntutan mengikut Aturan 18 Kaedah 7, Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 2012.

Mohon batal saman

Berikutan kegagalan mereka berbuat demikian, Mohd Hafarizam berkata, Najib memohon Mahkamah Tinggi membatalkan saman berkenaan berhubung dakwaan salah laku dalam jawatan awam dan pentadbiran, membabitkan kes 1MDB.

Beliau berkata, perkara itu dihujahkan peguam utama, Tan Sri Cecil Abraham dalam kamar Hakim Abu Bakar Jais melalui permohonan Najib untuk membatalkan saman terbabit.

Katanya, Abraham turut ber-

hujah, adalah salah bagi plaintif dalam pernyataan tuntutan mereka untuk mendakwa Najib selaku penjawat awam, melakukan perbuatan salah laku itu kerana Perdana Menteri bukan penjawat awam mengikut takrifan Perlembagaan Persekutuan.

PM bukan penjawat awam

“Terdapat perbezaan di antara perkhidmatan awam, pejabat awam, penjawat awam dan ahli pentadbiran. Dalam hal ini, Najib adalah ahli pentadbiran dan bukan penjawat awam berdasarkan Artikel 160(2) Perlembagaan Persekutuan yang tidak memasukkan ahli pentadbiran dalam perkhidmatan awam.

“Abraham menghujahkan, ahli pentadbiran adalah menteri, timbalan menteri dan setiausaha politik, jadi ia termasuk Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri.

“Definisi penjawat awam dalam Kanun Keseksaan melalui kes membabitkan bekas Mente-

ri Besar Selangor, Dr Mohamad Khir Toyo berbeza dengan definisi penjawat awam dalam Perlembagaan Persekutuan. Kamu tidak boleh mendefinisikan penjawat awam itu termasuk Perdana Menteri. Ia salah untuk membawa definisi itu dalam tuntutan salah laku,” katanya.

Melalui pernyataan tuntutan difailkan 23 Mac tahun lalu, plaintif mendakwa Najib sengaja mengganggu siasatan dakwaan mengenai 1MDB dan syarikat berkaitan, serta siasatan aliran masuk wang RM2.6 bilion dan RM42 juta daripada SRC International ke dalam akaun peribadinya.

Mereka mendakwa Najib melakukan tindakan dan langkah tindasan sehingga menyebabkan beliau dapat mengelak daripada berdepan kesan dan akibat di sisi undang-undang atas segala dakwaan salah laku atau perbuatan jenayah. Mahkamah menetapkan satu tarikh yang ditentukan kemudian bagi keputusan.